

# **ABSTRAKSI OBJEK KONKRIT DALAM PERIBAHASA MELAYU: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF**

*(An Abstraction of Concrete Object in Malay Proverbs: An Inquisitive Semantic Analysis)*

*Asad Mohamed*

asad\_mohamed289@yahoo.com

Institut Alam dan Tamdun Melayu,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Nor Hashimah Jalaluddin*

shima@ukm.edu.my

Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 1 Disember 2018

Sila rujuk: Asad Mohamed & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Abstraksi Objek Konkrit dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa* 18(2), 197-218.

## **Abstrak**

Peribahasa Melayu merupakan satu daripada bukti tingginya akal budi orang Melayu. Ungkapan berkias yang ringkas ini biasanya mempunyai makna yang tepat, padat serta bersifat kompleks. Dalam peribahasa, ujarannya tidak akan dapat difahami dengan hanya mengambil makna selapis atau makna harfiah. Hal ini berlaku kerana, banyak peribahasa mempunyai makna konkrit dan abstrak yang boleh dipetakan melalui domain sumber dan sasaran. Makalah ini bermatlamat untuk menjelaskan proses yang berlaku dalam minda serta menghuraikan akal budi dan falsafah di sebalik pemilihan objek peribahasa. Sebanyak 31 peribahasa yang menggunakan leksikal

*garam* diperoleh melalui janaan daripada laman web (<http://www.malaycivilization.com.my/peribahasa>). Kajian ini berteraskan kerangka analisis semantik inkuisitif yang dikemukakan oleh Nor Hashimah (2014). Kombinasi data korpus, teori, kognitif, falsafah dan budaya terbukti mampu mencungkil akal budi orang Melayu. Analisis mendapati terdapat beberapa fitur yang menjadi mekanisme kepada berlakunya abstraksi makna objek konkrit. *Garam* diabstraksi melalui fitur makna [+mudah] yang berhubung dengan makna “hina”. *Garam* juga diabstraksi sebagai “manusia hina” oleh orang Melayu kerana sifat “mudah lebur” objek *garam*. Kajian ini bukan sahaja menghuraikan abstraksi yang berlaku dalam peribahasa, malah dapat mencungkil kearifan dan kebijaksanaan orang Melayu.

Kata kunci: peribahasa Melayu, abstraksi, kognitif Melayu, akal budi Melayu, semantik inkuisitif

#### ***Abstract***

*Malay proverb is one of the evidence that reflects the high level of wisdom and reasoning of the Malay mind. Proverbs normally have exact, concise and complex meanings. Their meanings cannot be understood literally. This happens because the Malay proverb has both concrete and abstract meaning that can be mapped through the domain and target source. This article aims to explain the process that occurs in the mind as well as to explain the reasoning and philosophy why certain objects are chosen as an object to a proverb. 31 Malay proverbs using the lexical item “garam” (salt) is generated from the website (<http://www.malaycivilization.com.my/peribahasa>). This study employs the inquisitive semantics framework proposed by Nor Hashimah (2014). The combination of corpus data, theory, philosophy, and culture proves its effectiveness in exploring the reasoning and wisdom of the Malay mind. Findings reveal that there are several features that serve as a mechanism in abstracting the concrete meaning. “Garam” is abstracted by a feature [+cheap] as well as “easy to melt” to reflect the meaning of “despicable”. “Garam” is also abstracted as a “despicable person” by the Malays because of its “easy to dissolve” property. Through this research, the abstraction that happens in proverbs are able to be described and simultaneously reflect the wisdom of the Malay mind.*

*Keywords: Malay proverbs, abstraction, Malay cognitive reasoning, Malay mind, inquisitive semantics framework*

## PENGENALAN

Peribahasa Melayu dapat dianggap sebagai satu daripada ciptaan hasil kebijaksanaan masyarakat Melayu untuk menzahirkan makna daripada sesuatu yang abstrak kepada yang bukan abstrak (konkrit). Penciptaan tersebut merupakan cerminan kepada pencapaian tahap abstraksi dan kreativiti mental orang Melayu yang begitu tinggi, halus dan kompleks (Hassan, 2003). Perkara ini dapat dilihat dalam peribahasa yang berikut:

- (1) Orang mengantuk disorongkan bantal - Memperoleh apa yang diinginkanya.
- (2) Sudah jatuh ditimpa tangga - Berturut-turut mendapat kesusahan.
- (3) Lempar batu sembunyi tangan - Orang yang berbuat sesuatu kemudian berpura-pura tidak tahu.

(prpm@dbp.gov.my)

Peribahasa tersebut menunjukkan berlakunya perubahan representasi mesej yang dimaksudkan, yakni proses menyampaikan maksud tidak dilakukan secara harfiah, tetapi dilakukan melalui ungkapan yang berbentuk figuratif. Hal ini berlaku demikian kerana, sikap atau budaya orang Melayu yang tidak gemar berterus terang menyatakan yang baik dan buruk tentang sesuatu kerana mengambil berat air muka orang lain (Bahren Umar, 2010). Jika perlakuan ini tidak diikuti, maka akan menjadi ejekan dan cemuhan, malah akan dijauhi oleh masyarakat kerana dianggap menyalahi adat dan budaya Melayu yang menjunjung tinggi dan memuliakan kesopanan dan kesantunan (Tenas, 2012). Oleh sebab itu, orang Melayu menggunakan peribahasa untuk tujuan menegur, menyindir, tunjuk ajar, menyampaikan gagasan fikiran dan menzahirkan perasaan mereka terhadap sesuatu perkara.

Sebagai orang Melayu yang hidup bermasyarakat, sudah pasti peribahasa tersebut dapat difahami oleh pendengar atau penerima mesej kerana mereka berada dalam lingkungan dan ruang konteks sosial yang sama. Setidak-tidaknya mereka dapat bertanya kepada orang yang mencipta atau mengungkapkan peribahasa tersebut. Seperti yang telah dijelaskan oleh Za'ba (2002), bahawa peribahasa tercipta daripada mulut seseorang yang bijak dan tajam fikirannya. Perkataannya ringkas, tepat dan mengandungi maksud yang lengkap serta dirasai sendiri kebenarannya atau melalui pemerhatian terhadap apa-apa yang berlaku kepada diri orang lain. Menurut beliau lagi, peribahasa yang dicipta akan dipakai jika orang ramai

menyukainya dan disampaikan daripada seorang kepada seorang yang lain. Oleh itu, sungguhpun peribahasa yang didengar tidak hadir dalam bentuk harfiah, namun dapat difahami kerana wujudnya perkongsian ruang dan latar konteks yang sama.

Berbeza halnya dengan masyarakat Melayu pada zaman ini. Peribahasa seakan-akan satu bentuk bahasa yang asing bagi masyarakatnya. Yang tidak tahu dan tidak faham akan peribahasa Melayu begitu ramai sekali. Laporan kajian Nor Hashimah dan Junaini (2008) menunjukkan bahawa sebanyak 46.2% (390) daripada lebih 800 orang pelajar remaja Melayu yang terlibat gagal menguasai sekali gus memahami peribahasa. Keadaan ini jelas menunjukkan peribahasa semakin terpinggir daripada penuturnya. Perkara ini mungkin berlaku disebabkan perubahan zaman dan faktor sosial yang telah menjadi salah satu penyebab kepada berlakunya keadaan tersebut. Seperti yang dimaksudkan oleh Za'ba bahawa peribahasa dapat difahami kerana dialami dan dirasai sendiri, atau sesuatu yang dirasai oleh orang lain. Nyatanya, masyarakat hari ini gagal memahami peribahasa kerana tidak mengalami dan merasai pengalaman tersebut.

Sebagai contoh, peribahasa *bagai melepaskan batuk di tangga* yang bermaksud “melakukan sesuatu dengan sambil lewa”. Makna abstrak “perbuatan sambil lewa” tidak dapat dihayati atau dihubungkan dengan perbuatan “melepaskan batuk” oleh masyarakat Melayu pada zaman ini sehingga ada yang menganggap peribahasa ini merujuk perbuatan batuk yang dilakukan oleh manusia. Perkara ini boleh menimbulkan tanda tanya berkaitan mengapa orang Melayu menyatakan perbuatan batuk di tangga sebagai perbuatan sambil lewa? Jelas sekali membayangkan konteks sosial atau pengalaman empirikal yang mendorong pemikir Melayu dalam membentuk struktur konseptual melalui bayangan merupakan perkara penting dalam memahami peribahasa seperti yang dinyatakan oleh Hassan (2003).

Bertitik tolak daripada perkara tersebut, artikel ini bermatlamat menghuraikan abstraksi yang berlaku dalam minda Melayu dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Pendekatan yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah (2014) ini menekankan konsep khusus dan tak khusus dalam analisis metafora Melayu. Melalui pendekatan ini, peribahasa bukan sahaja dapat difahami dengan baik, malah dapat mencungkil informasi yang berada dalam lingkungan peribahasa seperti falsafah dan membuktikan betapa tingginya akal dan budi masyarakat Melayu dahulu sehingga mencipta peribahasa yang tinggi nilai ilmunya.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Perkembangan ilmu bahasa dan linguistik telah banyak menyumbangkan literatur berkaitan peribahasa Melayu. Tidak kurang banyak kajian yang melakukan penginterpretasian makna peribahasa dengan mendekati objek yang digunakan dalam peribahasa. Seperti kajian yang dilakukan oleh Tham (1977) yang mengupas pemikiran dan budaya Melayu dalam peribahasa, Khazriyati (2004) meneliti mekanisme kognitif “kecil hati” dan “panas darah”, Salinah (2005) membincangkan ciri dan sifat yang terkandung dalam peribahasa menggunakan leksikal “bunga”, Imran (2011) mengenal pasti dan menghuraikan ciri dan tabiat anjing menurut pandangan orang Melayu berdasarkan peribahasa, Rogayah (2011) menekuni peribahasa dengan menggunakan pendekatan skema imej, dan Hishamudin dan Mashetoh (2015) melihat perubahan domain darah berpandukan prinsip kognitif. Kesemua kajian di atas cuba mengaitkan peribahasa dengan kognitif masyarakat penutur. Kajian di atas juga cuba mengkonkritkan makna abstrak yang ada pada domain sasaran dengan makna konkrit yang ada pada domain sumber. Contohnya, bagaimana indera manusia dipilih seperti mata, hidung, mulut, telinga yang konkrit sifatnya dipetakan dengan sifat sombong, jahat, dan bebal? Cara ini memberikan pendekatan baharu berbanding dengan kajian peribahasa yang hanya bersifat harfiah, iaitu memberikan makna padanan bagi setiap peribahasa (Nor Hashimah, 2014).

Kini terdapat beberapa kajian makna peribahasa yang dilakukan mengikut acuan semantik inkuisitif. Penelitian ini dapat dikelompokkan sebagai kajian akal budi Melayu kerana gagasan yang ditekankannya. Tidak dinafikan kajian tersebut dapat mengisi ruang kelompangan kajian peribahasa yang disenaraikan tadi kerana hanya meneliti tahap dan proses yang berlaku dalam kognitif manusia Melayu. Antara kajian tersebut ialah Junaini, Nor Hashimah dan Wan Nurasikin (2016) yang menghuraikan akal budi Melayu yang terkandung dalam peribahasa bersumberkan “ikan”; Julaina, Nor Hashimah dan Junaini (2017) melalui kajiannya terhadap “timun dan durian” dalam peribahasa. Juga kajian Nor Hashimah (2018) yang menghuraikan mengapa “periuk belanga” dipilih sebagai objek demi menghuraikan perihai tabiat buruk membuka aib seseorang. Sungguhpun begitu, kajian seperti ini dilihat masih mempunyai ruang yang boleh dimanfaatkan bagi meneruskan lagi kelangsungan ilmu khususnya peribahasa.

Oleh itu, artikel ini akan menunjukkan cara semantik inkuisitif dapat membantu memahami kognitif Melayu secara berpada dengan menerapkan


konsep “perbandingan serupa”. Perbandingan ini dilakukan atas dasar kesimpulan awal bahawa objek yang mengalami abstraksi (pengabstrakan) merupakan objek yang paling tepat dipilih. Sekali gus menggambarkan ketinggian dan ketelitian pemikir Melayu yang mencipta peribahasa.

## **KERANGKA KAJIAN**

Pendekatan semantik inkuisitif yang digunakan dalam makalah ini merupakan gagasan idea oleh Nor Hashimah (2014) dengan melakukan inovasi kaedah pengkajian makna yang berbentuk metafora dan bukan metafora. Menurut beliau, kehadiran ragam ataupun fenomena bahasa di luar kebiasaan pasti mempunyai sebab tertentu yang menjadikannya sebagai lakuan khusus bahasa bagi sesuatu bangsa. Oleh itu, kajian seperti metafora seharusnya tidak hanya dilakukan sekadar mentafsirkan makna dan memahami proses kognitif yang berlaku, akan tetapi haruslah diteruskan dengan meneliti falsafah dan sebab musabab yang menjadi pemangkin kewujudannya.

Tiga tahap tafsiran yang ditekankan dalam analisis semantik inkuisitif dalam usaha melakukan penginterpretasian. Tahap pertama melibatkan tafsiran makna harfiah. Tafsiran ini dilakukan secara generalisasi bagi mengenal pasti kewujudan mekanisme yang menjadikan objek dikaji melalui padanan makna harfiah. Pada tahap analisis yang kedua, tafsiran melibatkan proses menghuraikan kognitif penutur, dan pada peringkat ini abstraksi (proses abstrak) bermula. Pada peringkat ini, analisis yang dilakukan akan menampilkan abstraksi domain sumber kepada domain sasaran yang menjadi pemangkin kepada wujudnya metafora. Pemangkin yang dimaksudkan ialah fitur-fitur yang terdapat dalam sesuatu kata. Bagi mencapai keberhasilan analisis pada tahap kognitif, rangka rujuk silang (RRS) yang merupakan konsep tambahan kepada teori relevans hasil ciptaan Sperber dan Wilson (1995) juga akan digunakan dalam bahagian ini. Penggunaan konsep rangka rujuk silang dalam konteks kajian ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang diperoleh melalui himpunan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka melalui capaian laman sesawang prpm.dbp.gov.my. Rangka rujuk silang (RRS) membenarkan pendengar mencari premis tambahan daripada konteks ayat yang diberikan. Dalam ayat ini tiada anteseden untuk dipautkan antara ayat-ayat yang digunakan. Namun begitu, premis tambahan daripada konteks ayat itu dapat membantu pembaca memproses apa-apa yang dihajati oleh penulis (Nor Hashimah & Ahmad, 2009).

Pengakhiran kaedah analisis kajian ini dilakukan dengan mencungkil akal budi berasaskan data, teori, kognitif, falsafah dan budaya di sebalik penciptaan peribahasa. Pada tahap ini, konsep yang harus ditekankan ialah sebab musabab pemilihan objek. Malah, analisis boleh dilakukan sehingga membandingkan objek yang hampir sama sebagai tamsilan untuk melihat kewujudan akal budi Melayu yang mencipta peribahasa dengan teliti, tepat dan padat. Yang berikut merupakan rajah aliran proses analisis semantik inkuisitif:



**Rajah 1** Aliran proses penganalisisan data menggunakan pendekatan semantik inkuisitif (Nor Hashimah, 2017).

Sumber peribahasa dalam kajian ini diperolehi daripada pangkalan data (<http://malaycivilization.ukm.my>). Data peribahasa yang menggunakan kata “garam” dipilih dan sebanyak 31 peribahasa dikumpulkan. Kemudian dua peribahasa yang terdiri daripada domain yang tertinggi dikenal pasti dan dijadikan sampel dalam kajian ini. Data dan domain yang dimaksudkan adalah seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Data peribahasa yang menggunakan “garam”.

<b>Peribahasa</b>	<b>Makna</b>	<b>Domain</b>
Garam tumpah tempatnya	Orang yang hina apabila meninggal tidak dihiraukan orang sangat.	Nasib
Sayang garam sececah busuk (rosak) kerbau seekor.	Kerana takut rugi sedikit akhirnya jadi rugi banyak.	Sikap

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan Jadual 1, pemberian domain dilakukan mengikut makna yang melatarinya. Sebagai contoh, peribahasa *garam tumpah apakah tempatnya* bermaksud “orang yang hina apabila meninggal tidak dihiraukan orang sangat”. Peribahasa ini menceritakan tentang “nasib” seseorang. Oleh sebab itu, peribahasa ini diberikan domain “nasib”. Begitu juga dengan peribahasa *Sayang garam sececah, busuk (rosak) kerbau seekor* membawa maksud “Kerana takut rugi sedikit, akhirnya jadi rugi banyak”. Daripada maksud peribahasa tersebut, peribahasa *Sayang garam sececah, busuk (rosak) kerbau seekor* telah didomainkan sebagai “sikap”.

### **Analisis Peribahasa *Garam Tumpah Apakah Tempatnya***

Peribahasa *garam tumpah apakah tempatnya* membawa maksud “orang yang hina apabila meninggal tidak dihiraukan orang sangat”. Peribahasa ini selain menggunakan perlambangan melalui objek *garam*, penceritaan latar belakang juga digunakan, iaitu dengan menggunakan kata kerja “tumpah” dan kata tanya “apakah?”. Dalam peribahasa ini, maksud yang tersirat sesuai dengan ungkapannya. Kedua-duanya menceritakan tentang status, iaitu “sesuatu yang tidak diterima”. Jika diperhatikan ungkapan peribahasa tersebut, “garam yang tumpah” sudah pasti akan kotor dan tidak dapat digunakan lagi. Begitulah juga dengan manusia yang melakukan perbuatan yang jahat akan dipandang hina walaupun pada hari kematiannya. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa peribahasa tersebut dicipta berdasarkan persamaan situasi yang melatarinya.



### Abstraksi “Nasib”

Peribahasa ini berkisar tentang nasib buruk yang menimpa seseorang. Penggunaan peribahasa ini dapat diperhatikan dalam contoh yang dikutip daripada korpus DBP seperti berikut:

- i. Baiklah aku pergi dari kampung ini. Bekas banduan seperti aku kalau

mati pun tentu sanak saudara tidak peduli bagai garam tumpah apakah


tempatnyanya?” Bisik hati kecil Hazim.

(*Suatu Subuh Yang Bening*, 1983)

Berdasarkan ayat (i), maklumat tambahan pertama yang boleh digunakan untuk memproses dan memahami ungkapan *garam tumpah apakah tempatnyanya* ialah bekas banduan. Hal ini kerana, ungkapan dalam ayat tersebut tidak mempunyai anteseden sedangkan peribahasa *bagai garam tumpah apakah tempatnyanya* ialah ungkapan yang mempunyai makna yang tersirat. Oleh itu, dengan adanya konteks, *bekas banduan* menjadi maklumat tambahan yang membolehkan seseorang memahami peribahasa ini. Dalam konteks masyarakat Melayu, *bekas banduan* masih dipandang hina dan sukar diterima oleh masyarakat sekelilingnya kerana kesalahan dan dosa yang dilakukan oleh bekas banduan tersebut masih diingati dan ditakuti oleh masyarakat sekeliling. Hal ini berlaku kerana ditakuti si pelaku melakukan kembali kesalahan lampau, apatah lagi terdapatnya kes bekas banduan yang mengulangi perbuatannya setelah selesai menjalani hukuman penjara. Perkara ini telah menyebabkan masyarakat sekeliling masih memandang serong terhadap bekas banduan. Andaian awal tersebut merupakan satu daripada usaha memproses maklumat untuk mendapatkan tafsiran makna tersirat bagi peribahasa *bagai garam tumpah apakah tempatnyanya*.

Selain itu, premis tambahan kedua yang boleh didapati dalam ayat (i) ialah melalui leksikal *mati* dan *sanak saudara tidak peduli* mengukuhkan andaian tersebut bahawa ungkapan tersebut membawa makna “orang yang hina apabila meninggal tidak dihiraukan orang sangat”. Oleh itu, dengan berbantuan konteks yang terkandung dalam ayat tersebut telah membantu pendengar mahupun pembaca untuk mentafsirkan maksud tersirat peribahasa

tersebut. Berdasarkan RRS yang telah dilakukan *garam* dalam peribahasa ini telah diabstraksi sebagai “nasib malang”. Abstraksi tersebut merupakan proses kognitif yang berlaku dalam penciptaan peribahasa ini. Yang berikut merupakan rajah abstraksi yang memotivasikan kognitif penutur dalam mencipta peribahasa tersebut:



**Rajah 2** Proses abstraksi objek “garam” dalam peribahasa *garam tumpah apakah tempatnya*.

Berdasarkan Rajah 2, terdapat beberapa fitur makna yang memotivasikan pengabstrakan dalam peribahasa tersebut. Pertama, ialah fitur [+murah] melalui objek *garam* yang dianggap sebagai barang yang murah dan mudah didapati. Fitur ini telah diasosiasikan dengan makna abstrak “orang yang hina”. Fitur [+murah] dan [+hina] pula mempunyai hubungan saling berkait, iaitu kedudukan yang “rendah” atau “di bawah”. Begitu juga dengan [+jatuh] yang dihubungkan oleh orang Melayu bagi ungkapan *tumpah* yang bermaksud “mati”. Hal ini dapat diperhatikan melalui pengetahuan tentang orang yang mati tidak akan dapat berdiri. Seterusnya, [+kotor] pula dilihat menjadi mekanisme abstraksi “dihirau” bagi kata tempat. Secara mudahnya, sesuatu yang “kotor” tidak akan disimpan di tempat yang baik, begitu juga halnya dengan sikap dan perbuatan yang jahat atau hina tidak akan mendapat tempat di hati masyarakat yang begitu menjaga kesopanan, maruah dan hati budi.

Jika diteliti lagi, *garam* digunakan untuk pelbagai jenis masakan dan menjadi kebiasaan *garam* disimpan di dapur. Berdasarkan pemerhatian, rumah orang Melayu pada zaman dahulu kala bertiang dan berlantaikan kayu atau buluh. Akan tetapi, dapur orang Melayu dahulu terletak di belakang

dan di atas tanah. Keadaan ini bagi memudahkan mereka memasak kerana pada waktu itu alat yang digunakan untuk memasak ialah dapur kayu api. Maka sesuai dan tidak menjadi kemusykilan jika garam yang jatuh tidak akan dikutip melainkan dibiarkan sahaja. Malah akan dipijak atau dikais dengan kaki ke tepi. Oleh hal yang demikian, *garam* dalam peribahasa ini telah diabstraksikan dan dikonsepsikan sebagai “orang yang hina”. Bagi leksikal *tumpah* pula digambarkan sebagai orang yang telah mati kerana persamaan konsep, iaitu “jatuh”. Kedua-dua ini mempunyai persamaan, iaitu apabila barang jatuh, maka barang tersebut akan gugur ke bumi. Begitu juga dengan orang yang meninggal akan dikebumikan di dalam tanah.

### **Akal Budi dan Falsafah Peribahasa *Garam Tumpah Apakah Tempatnya***

Berdasarkan huraian makna peribahasa tersebut, konsep *garam* yang merujuk “nasib” seseorang telah dihuraikan secara berpada dengan memahami apakah yang berlaku dalam minda Melayu sehingga mereka dapat memindahkan makna yang abstrak kepada yang bersifat konkrit. Namun begitu, satu persoalan timbul yang berkaitan peribahasa tersebut. Sesuai dengan konsep lagu “Bangau Oh Bangau”, Nor Hashimah (2014) telah menekankan bahawa ketersiratan makna dalam bahasa Melayu seharusnya tidak berhenti setakat menghuraikan proses kognitif yang berlaku, tetapi seharusnya dapat meneroka ilmu dengan lebih jauh dan mendalam agar dapat menelusuri akal budi dan falsafah orang Melayu. Oleh itu, melalui gagasan semantik inkuisitif, persoalan “mengapa, mengapa dan mengapa” menjadi kaedah yang disasarkan mampu untuk mendalami lagi akal budi Melayu serta falsafahnya dalam penciptaan peribahasa *garam tumpah apakah tempatnya*.

Berdasarkan peribahasa tersebut, satu persoalan yang boleh dibangkitkan ialah mengapa *garam* yang dilambangkan sebagai orang yang hina? Jika kita hanya meneliti pada satu sudut, iaitu *garam* “hina” kerana [+mudah] dan tidak bernilai seperti orang miskin yang dipandang hina, maka kenyataan ini boleh dipertikaikan dengan membandingkan nilai *garam* dengan sesuatu yang setara dengannya seperti air. Air mudah didapati melalui pelbagai sumber. Dalam persekitaran alam Melayu, air ialah objek yang mudah didapati dan percuma kerana struktur muka buminya yang kaya dengan kawasan hutan hujan tropika. Oleh itu, air begitu mudah untuk didapati seperti di sungai dan di perigi berbanding dengan *garam* yang memerlukan proses dan transaksi untuk mendapatkannya. Secara logiknya pula, apabila air jatuh,

sememangnya air tersebut tidak akan dapat dikutip semula berbanding dengan garam yang masih boleh dikutip dan digunakan.

Bagi menjawab persoalan tersebut, satu gagasan yang ditekankan dalam semantik inkuisitif untuk menghuraikan fenomena ini adalah dengan memahami faktor sosial dan budaya penutur. Pada zaman dahulu, ramai orang Melayu mendiami kawasan yang berhampiran dengan sungai dan laut bagi memudahkan para nelayan melangsungkan pekerjaan mereka. Hasil tangkapan mereka biasanya akan dikeringkan sedikit untuk kegunaan pada musim tengkujuh. Oleh itu, untuk mengeringkan ikan, garam akan digunakan sebagai pengawet agar ikan tidak busuk dan tahan lebih lama. Ikan ini biasanya akan dikeringkan dan dijemur di kawasan yang berhampiran dengan rumah. Disebabkan orang dulu-dulu juga mempunyai tanaman di sekeliling rumah seperti limau, cili padi, dan bunga-bunga, maka mereka akan memastikan garam tidak tumpah ke tanah. Hal ini ditakuti boleh merosakkan tanaman yang ada.

Jika diteliti kesan garam yang tumpah ke tanah, keadaan ini akan menyebabkan kandungan garam dalam tanah akan berlebihan dan akan menyebabkan tanaman mati dan tanah tersebut tidak subur lagi bagi kebanyakan jenis tanaman atau tumbuhan. Tanah sememangnya mempunyai pelbagai jenis garam, antaranya termasuklah nitrat [ $\text{NaNO}_3$ ,  $\text{Ca}(\text{NO}_3)_2$ ], sulfat [ $\text{Na}_2(\text{SO}_4)$ ,  $\text{Ca}(\text{SO}_4)$ ,  $\text{K}_2\text{SO}_4$ ], dan klorida [ $\text{NaCl}$ ,  $\text{CaCl}_2$ ,  $\text{KCl}$ ]. Garam-garam tersebut merupakan jenis garam yang digunakan untuk makanan. Namun begitu, apabila tanah mengandungi [ $\text{Na}$ ] yang berlebihan, hal ini akan memberikan kesan buruk kepada tanah (Afandie dan Nasih Widya, 2002). Oleh itu, kenyataan ini boleh dikaitkan dengan akal budi orang Melayu yang menyedari kesan buruk apabila garam jatuh dan tumpah ke tanah. Kesannya tanah tersebut tidak subur dan tidak akan digunakan orang untuk menanam tumbuhan.

Berdasarkan penelitian, keadaan tersebut boleh dikaitkan dengan lumrah kehidupan. Sesuatu yang baik pasti akan mendatangkan faedah dan kebaikan, manakala sesuatu yang buruk pasti akan mendatangkan mudarat. Namun begitu, dalam peribahasa ini mempunyai falsafah yang melambangkan ketinggian akal budi Melayu dalam penciptaan peradaban. Garam sememangnya mempunyai nilai dan kegunaannya, namun harus dijaga dengan berhati-hati kerana boleh mendatangkan kerugian dan mudarat kepada yang lain. Perlambangan ini merujuk manusia yang dijadikan Allah untuk melakukan amal soleh. Seperti garam, walaupun mempunyai nilai dan kegunaan yang tersendiri, namun apabila garam tumpah ke tempat

yang tidak sepatutnya seperti rantai yang kotor, maka garam tersebut tidak akan berguna lagi. Begitu juga dengan manusia, walaupun diciptakan Allah sempurna dan diangkat sebagai khalifah di atas muka bumi, namun apabila terjebak dengan perbuatan yang jahat pasti akan memberikan kesan yang buruk, terutama kepada waris yang ditinggalkannya.

Hal tersebut merujuk pegangan orang Melayu yang kuat menjaga tuah dan maruah (Tenas, 2013). Dalam peribahasa ini, pengajaran yang dapat kita perhatikan ialah manusia seharusnya menjaga nilai-nilai murni yang dianugerahkan Allah kepadanya agar apabila seseorang itu mati, kebajikannya akan dijadikan contoh. Namun begitu, apabila sebaliknya berlaku, manusia yang hina dan berbuat kejahatan pasti akan meninggalkan kesan yang buruk kepada keluarga yang ditinggalkan seperti dipulaukan dan dipandang hina oleh masyarakat. Begitu juga dengan garam, apabila kita berhati-hati menggunakannya seperti untuk mengeringkan ikan, pasti akan mendatangkan kebaikan kepada diri sendiri dan orang lain. Namun begitu, apabila garam tersebut jatuh ke tempat yang bukan sepatutnya, pasti akan mendatangkan keburukan seperti merosakkan tanaman dan kesuburan tanah yang menyebabkan tanah tersebut tidak digunakan lagi untuk menanam pokok. Oleh itu, berdasarkan tafsiran akal budi menggunakan semantik inkuisitif, didapati peribahasa *garam tumpah apakah tempatnya* bukanlah sekadar merujuk “orang yang hina apabila meninggal tidak dipedulikan sangat” tetapi mempunyai falsafah yang tersirat, iaitu menjaga tuah dan maruah.

### ***Analisis Peribahasa Sayang Garam Sececah, Busuk (Rosak) Kerbau Seekor***


Berdasarkan Jadual 2, peribahasa garam yang membawa domain “sikap” ialah *sayang garam sececah, busuk (rosak) kerbau seekor* yang bermaksud “kerana takut rugi sedikit, akhirnya jadi rugi banyak”. Berdasarkan maknanya, peribahasa ini menjelaskan kerugian besar yang ditanggung akibat sikap kedekut sehingga mengurangkan sedikit garam yang sepatutnya digunakan untuk menyimpan daging kerbau agar tidak busuk.

### **Abstraksi “Sifat”**

Berdasarkan perbincangan di atas, peribahasa *sayang garam sececah, busuk kerbau seekor* memberikan gambaran tentang perangai seseorang yang kedekut yang akhirnya mengalami kerugian. Untuk menghuraikan makna


peribahasa ini dengan lebih lanjut, analisis berikut akan dilakukan dengan menggunakan RRS.

- (i) ... ibu ingin membuat kuih. Menurut resipi kuih itu yang ada di dalam buku, seharusnya memakai 30 biji telur. Tetapi, kerana telur ketika itu mahal, ibu ‘mengurangi jumlah telur’ hingga separuh.



(Bududu, 2008. p. 83)

Berdasarkan contoh ayat di atas, peribahasa *sayang garam sececah, busuk kerbau seekor* dapat difahami melalui premis tambahan yang terdapat di sekitarnya. Berdasarkan RRS yang dilakukan, wujud dua premis tambahan bagi peribahasa ini yang membolehkan seseorang memproses maklumat melaluinya. Dalam ayat tersebut, maklumat tambahan yang merujuk *sayang garam sececah* boleh dirujuk silang dengan frasa *mengurangi jumlah telur*. Berdasarkan konteks ayat tersebut, untuk membuat kuih sebanyak 30 biji telur diperlukan. Namun begitu, jumlahnya telah dikurangkan kerana sikap kedekut dalam penghasilan kuih yang diingini. Berdasarkan premis tambahan tersebut, usaha memproses mudah dilakukan kerana kedua-dua frasa tersebut mempunyai persamaan maklumat, iaitu *mengurangi* dan *sayang* yang merujuk sikap seseorang yang terlalu berkira dan kedekut. Bagi frasa *tidak sedap* pula dirujuk dengan *busuk kerbau seekor*. Konteks ayat ini menunjukkan kuih yang dibuat menjadi tidak sedap kerana tidak mengikut sukatan yang ditetapkan. Selain itu, padanan ini dilakukan kerana persamaan situasi kedua-duanya, iaitu keadaan makanan yang telah rosak dan tidak elok untuk dimakan atau tidak sedap dimakan. Oleh itu, berdasarkan perkara tersebut, aspek makna yang berkaitan dengan ungkapan tersebut ialah sikap “berkira” atau “kedekut” serta “keadaan buruk” sesuatu benda. Seterusnya perbincangan akan meneliti proses kognitif penutur.



**Rajah 3** Abstraksi objek “garam” dalam peribahasa *sayang garam sececah busuk kerbau seekor*.

Berdasarkan rajah di atas, peribahasa ini jelas merujuk maknanya kerana menggunakan analogi yang hampir serupa, iaitu merujuk sikap kedekut. Peribahasa ini menunjukkan pemikiran orang Melayu yang menyindir seseorang dengan ungkapan yang begitu mudah difahami dan sangat halus sifat penyampaian, iaitu dengan menyifatkan seseorang kedekut kepada seseorang yang menyayangi sesuatu benda. Secara harfiahnya, sifat menyayangi sesuatu benda tidak membawa konotasi makna negatif dalam budaya Melayu, malah dianggap sesuatu yang baik. Sebagai contoh, orang Melayu akan berasa “sayang” kepada baki makanan yang tidak habis dimakan lalu mereka akan menyimpannya kerana makanannya yang masih elok. Berbeza pula halnya dengan “takut rugi sedikit” yang merujuk sikap berkira dan kedekut. Sikap seperti ini dinilai sebagai sesuatu yang tidak baik bagi orang Melayu kerana melanggar konsep pemurah dalam budaya Melayu. Namun begitu, kedua-dua situasi tersebut telah melalui proses kognitif dengan mengabstraksi *sayang garam sececah* kepada “takut rugi sedikit” melalui makna abstrak [+menyimpan] dan [+tidak menggunakan].

Bagi ungkapan *busuk kerbau seekor*, ungkapan ini telah mengabstraksi makna “keadaan yang tidak baik” dan “besar”. Perkara ini boleh diperhatikan melalui ungkapan dan maknanya, iaitu *busuk kerbau seekor* merujuk keadaan daging kerbau yang telah rosak dan tidak elok. Keadaan ini akan menyebabkan daging tersebut tidak boleh dimakan kerana dikhuatiri akan mendatangkan penyakit. Hal ini boleh dihubungkan dengan kognitif penutur yang menyifatkan “rugi banyak” sebagai [+keadaan tidak baik] seperti yang berlaku kepada daging kerbau yang busuk. “Rugi banyak” yang dimaksudkan

dalam peribahasa tersebut merujuk abstraksi sifat [+keadaan tidak baik] kerana seseorang yang mengalami kerugian atau tidak mendapat apa-apa manfaat serta faedah, malahan kerugian. Perhatikan bahawa peribahasa ini juga mengabstraksi fitur [+besar] yang diasosiasikan dengan saiz kerbau yang besar dan kerugian yang besar.

Jelas dalam peribahasa *sayang garam sececah busuk kerbau seekor* telah mengambil makna abstrak dan dihubungkan dengan objek konkrit melalui fitur-fitur yang dikongsi bersama. Oleh sebab itu, ungkapan peribahasa yang bersifat konkrit ini dapat dipetakan kepada makna abstrak yang merujuk “sikap manusia”. Sungguhpun begitu, analisis ini tidak dianggap memadai dalam semantik inkuisitif kerana mengetepikan akal budi yang menjadi tunjang kepada penciptaan peribahasa ini.

### ***Akal Budi dan Falsafah peribahasa Sayang Garam Sececah Busuk Kerbau Seekor***

Perkara jelas yang dapat dilihat dalam peribahasa ini ialah akal budi orang Melayu yang dipancarkan melalui pemilihan objek berdasarkan ketajaman pemikiran dan pengalaman orang Melayu. Jika diteliti, ungkapan dalam peribahasa ini menunjukkan kepentingan garam dalam pengawetan makanan terutamanya makanan yang berbentuk daging haiwan seperti ayam, lembu dan ikan. Makanan tersebut akan dilumuri garam untuk memastikannya tidak cepat rosak dan berbau busuk kerana pada zaman dahulu, belum ada peti sejuk untuk menyimpan dan menyejukkembekukan makanan yang berasaskan daging.

Dalam ilmu sains, selain berfungsi untuk menyedapkan makanan, garam boleh digunakan untuk mengawetkan makanan agar tidak mudah rosak (Sizer dan Whitney, 2014). Proses yang berlaku dinamakan ionisasi yang dapat menarik sejumlah molekul air, atau disebut sebagai hidrasi ion (Retno Widiyani dan Tety Suciaty, 2008). Semakin banyak garam digunakan semakin banyak ion yang akan terhidrat dan molekul air akan diserap oleh garam sehingga boleh menurunkan aktiviti pertumbuhan mikroorganisma. Aktiviti garam dalam menyerap air mempunyai kaitan dengan proses plasmolisis, iaitu keadaan air akan bergerak daripada konsentrasi garam rendah kepada kosentrasi garam tinggi kerana adanya perbezaan tekanan osmosis. Menurut Dian Nur (2008), plasmolisis ialah keadaan cecair yang dilepaskan daripada sel kerana perbezaan kepekatan.

Keadaan ini menunjukkan bahawa garam makan (NaCl) mampu menjadi bahan pengawet kerana NaCl dalam air menyebabkan kelarutan O<sub>2</sub> dalam



air menurun dan menyebabkan berlakunya penyahaslian protein sehingga aktiviti enzim atau mikroorganisma semakin berkurang. Oleh itu, apabila daging segar dan basah dilumurkan dengan garam, maka air dalam daging akan keluar secara osmosis dan akan mengalami plasmolisis serta menghalang pengembangbiakan mikroorganisma. Oleh itu, daging atau makanan mentah yang lain boleh bertahan lebih lama daripada yang sepatutnya. Oleh hal yang demikian, keadaan ini jelas menunjukkan orang Melayu bukan sahaja tahu menggunakan garam sebagai penambah rasa dalam masakan, malah berdasarkan pengalaman mereka terhadap *garam* juga mengetahui fungsinya sebagai bahan pengawet makanan. Situasi ini boleh diperhatikan melalui tradisi pengawetan makanan yang menggunakan garam kekal sehingga ke hari ini. Antara makanan tersebut termasuklah ikan kering, telur itik masin, udang kering, udang geragau kering, ikan bilis, sotong kering dan sebagainya.

Selain itu, gula juga merupakan bahan pengawet bagi sesetengah makanan seperti buah selain garam. Perkara ini boleh dilihat melalui penggunaan gula yang dijadikan sebagai bahan pengawet buah-buahan seperti mangga muda, pala, kedondong, dan sebagainya. Mengapakah tidak terdapat peribahasa yang merujuk “sikap negatif manusia” ini menggunakan objek gula dan gambaran fungsinya sebagai bahan pengawet makanan? Hal ini demikian kerana, kerbau digunakan sebagai perlambangan kerana nilainya yang jauh lebih tinggi daripada buah. Bahan yang boleh digunakan untuk mengawet daging ialah garam bukan gula. Perkara ini boleh dibuktikan dengan meneliti harga kerbau pada zaman dahulu yang terkandung dalam catatan Undang-Undang Melaka, Fasal 21:

Adapun jikalau membunuh kerbau orang pada kandang itu kena seharga kerbau, lagi didenda setahil sepeha. Adapun jikalau ada oleh orang kerbau yang makan pada padang atau hutan, makan oleh seseorang dibunuhnya, itu pun kena setengah harganya, lagi denda sepuluh emas oleh hakim, kerana ia angkara akan hidup orang itu.

(Liaw dan Hassan, 2003)

Berdasarkan teks di atas, kerbau dinilai dengan sandaran setahil sepeha emas. Kenyataan ini boleh dirujuk melalui “kena seharga kerbau” yang membawa maksud denda bagi kesalahan tersebut mengikut nilai kerbau tersebut, iaitu setahil sepeha. Setahil pada masa kini merujuk 38 gram emas berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1977. Mengikut harga emas semasa (dalam portal [www.hargaemas.com.my](http://www.hargaemas.com.my)) 1gram emas

bersamaan dengan RM144.20. Jika didarabkan harga setahil emas adalah seperti yang berikut:

$$38 \text{ gram} \times \text{RM}144.20 = \text{RM}5,479$$

Wajarlah mengapa objek *garam* dan *kerbau* dipilih bagi menunjukkan “sikap manusia” dan “kerugian” jika dibandingkan dengan *gula* dan *buah*. Hal ini demikian kerana, harga buah tidak begitu mahal malah boleh didapati dengan mudah. Secara logiknya, ungkapan *sayang garam sececah rosak (busuk) kerbau seekor* ini boleh dianggap sebagai hiperbola kerana peribahasa ini menunjukkan perbuatan mengurangkan kuantiti garam daripada jumlah yang sepatutnya diletakkan pada daging kerbau lalu menyebabkan daging tersebut rosak atau busuk. Namun begitu, timbul persoalan, iaitu adakah sececah garam boleh menyebabkan daging tersebut rosak? Adakah makna tersirat lain di sebalik peribahasa ini, ataukah hanya sekadar perlambangan atau hiperbola?

Jika diamati, terdapat beberapa falsafah yang dapat dikenal pasti menjadi pendorong kepada penciptaan peribahasa ini, iaitu sikap kedekut serta konsep halal dan haram. Dalam alam Melayu, sikap kedekut amat ditegah kerana perbuatan ini dianggap melanggar fitrah hidup bermasyarakat. Malah, sejak dari dahulu lagi, amalan tolong-menolong telah menjadi sebahagian daripada tanggungjawab sosial dalam hidup bermasyarakat. Dalam hal ini kita diajar untuk membantu seseorang yang ditimpa kesusahan. Misalnya, kita digalakkan memberikan bantuan dalam apa-apa jua bentuk kepada orang yang kurang bernasib baik bagi memudahkan kelangsungan hidup mereka. Oleh itu, orang yang mempunyai sikap kedekut dianggap telah melanggar norma sosial orang Melayu

Berdasarkan peribahasa ini, sikap yang digelar sebagai kedekut, bakhil, dan kikir ini juga tidak selari dengan pegangan agama orang Melayu, iaitu Islam yang melarang penganutnya bersikap demikian. Allah SWT berfirman dalam *Surah ali- 'Imran*, ayat 180 yang bermaksud:

Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahan-Nya menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (disiksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Dan

bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan.

*(Surah al-'Imran 3:180)*

Berdasarkan surah tersebut, Allah SWT telah memberikan kita peringatan tentang keburukan dan seksaan yang akan dikenakan kepada setiap hambanya yang bersikap kedekut sesama manusia. Di samping itu, dalam ayat tersebut Allah SWT juga telah menegaskan bahawa setiap yang ada di langit dan di bumi ialah milik-Nya. Kita sebagai manusia perlu sentiasa beringat dan tidak bersikap sedemikian.

Begitu juga dalam amalan perniagaan, falsafah peribahasa ini secara tidak langsung memberikan peringatan kepada kita tentang sikap kedekut dengan mengurangkan kuantiti dan kadar sukatan akan membawa padah. Sikap kedekut ini adakalanya boleh membawa salah laku seperti tamak dan menipu. Sifat tamak dan menipu dalam perniagaan lazimnya akan terjadi kepada peniaga yang cuba mengaut keuntungan yang lebih. Mereka menipu pembeli dengan mengurangkan kuantiti dan juga kadar sukatan serta timbangan barang yang dijualnya. Malangnya, peniaga yang melakukan perbuatan tersebut tidak sedar bahawa akibat daripada sikap kedekut dan menipu telah menyumbang kesan yang tidak baik. Mungkin, pada mulanya peniaga akan mendapat sedikit keuntungan, tetapi akhirnya akan membawa kepada kerugian yang lebih besar kerana tiada lagi pelanggan atau pembeli yang datang membeli barang dagangannya. Jelas, betapa tingginya akal budi sang pencipta peribahasa ini. Mereka bukan sahaja dapat membantu pembaca memetakan makna abstrak dan konkrit tetapi pada masa yang sama dapat membuktikan bahawa pemilihan objek garam dan kerbau menepati maksud sebenar yang hendak disampaikan, kerana hendak berkira garam sececah angkara kebakhilan maka berlaku kerugian yang amat besar yang digambarkan secara konkrit dengan seekor kerbau. Begitulah kehebatan penciptaan peribahasa dan objek pilihannya.

## **KESIMPULAN**

Analisis ini telah menunjukkan bahawa proses abstrak atau abstraksi objek konkrit yang diamalkan oleh penutur Melayu telah dilakukan dengan cermat, tepat dan padat. Analisis mengikut tahap penghuraian makna ini membantu dalam memahami makna peribahasa, proses kognitif yang berlaku serta dapat

menampilkan ketajaman minda Melayu dalam mengabstraksi objek konkrit. Pada tahap kognitif, mekanisme yang menjadi pemangkin kepada abstraksi yang berlaku dapat ditonjolkan melalui persamaan fitur yang wujud daripada kedua-dua domain, iaitu sumber dan sasaran. Huraian tahap inkuisitif pula telah membuktikan ketepatan dan kecermatan orang Melayu dalam memilih objek yang dijadikan makna abstrak yang mempunyai sebab-sebab tertentu, dan mengandungi falsafah hidup serta pandangan orang Melayu. Analisis ini juga mendapati bahawa kaedah yang dikemukakan dalam semantik inkuisitif membantu dalam proses analisis terutamanya melalui pembuktian dan perbandingan serupa atau setara objek yang berdekatan.

Peribahasa ini seharusnya tidak lagi menjadi sekadar susunan kata-kata indah atau selingan dalam penulisan ataupun ucapan. Seharusnya peribahasa diteroka dan dihuraikan secara saintifik agar dapat difahami dan dihayati falsafah dan akal budinya dengan baik oleh masyarakat Melayu khususnya pada zaman yang serba moden ini. Perkara ini bukan sahaja dapat meneruskan budaya dan warisan orang Melayu yang arif tentang menjaga kesopanan dan kesantunan, malah dapat meningkatkan kemahiran berfikir melalui penerokaan alam dan dunia Melayu suatu ketika dahulu melalui perlambangan peribahasa.

## RUJUKAN

- Afandie Rosmarkam & Nasih Widya Yuwono. (2002). *Ilmu kesuburan tanah*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Bahren Umar Siregan. (2010). *Emosi dan kebudayaan dalam peribahasa*. (Atas Talian) Muat turun 1 Disember 2013, dari <http://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2010/01/104-Bahren-UmarSiregar-LTBI-UAJ-Emosi-dan-Kebudayaan-dalam-Peribahasa.pdf>
- Dian Nur Fibrianto. (2008). *Panduan kimia praktis SMP*. Yogyakarta: Pustaka Widyatama.
- Hassan Ahmad. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya. Siri Monograf Akademi Kajian Ketamadunan*. Bangi: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Hishamudin Isam & Mashetoh Abd Mutalib. (2015). Memahami pemikiran Melayu melalui pemingkakan makna lexis darah dalam peribahasa. *Jurnal Melayu* 14(2).
- Imran Ho-Abdullah. (2011). Peluasan Semantik Kata Sifat Rasa: Manis, Masam, Pahit, Masin dan Tawar. *Jurnal Dewan Bahasa* 44(5), 563-573.

- J.S. Bududu. (2008). *Kamus peribahasa: Memahami arti dan kiasan peribahasa, pepatah dan ungkapan*. Jakarta : Penerbit Buku Kompas.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah dan Junaini Kasdan. (2017). Refleksi dualisme ‘Durian-Timun’ dalam peribahasa Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik* 21(2), 1-14.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nurasikin. (2016). Ikan (pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4(1).
- Khazriyati Salehuddin dan Marlyna Maros. (2004). ‘Dikecilkan hati Si Panas Darah’ dari perspektif semantik kognitif. *Jurnal Bahasa Jendela Alam* 3, 367-377.
- Muhammad Noor Haji Ibrahim dan Abdullah Mohd Basmeih, 2010. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur’an (30 juzuk)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). Makna dan akal budi Melayu dlm Nor Hashimah Jalaluddin dan Muhammad Fazal (Eds.), *Linguistik Kontemporari*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Perihal Parasit, Periuk Belanga dan Akal Budi Melayu dlm Nor Hashimah Jalaluddin (Eds.), *Semantik dan Interpretasi*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan. (2008). Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*. Jilid 10: Edisi Khas.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Ahmad Harith Syah (2009). Penelitian makna imbuhan peN- dalam bahasa Melayu: satu kajian rangka rujuk silang. *GEMA Online*. 9(2).57-72.
- Othman Pute (Ed.). (1983). *Suatu subuh yang bening*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- PRPM <http://prpm.dbp.gov.my>
- Retno Widiyani dan Tety Suciaty. (2008). *Prinsip pengawetan pangan*. Cirebon: Penerbit Swagati Press.
- Rogayah Osman. (2011). Kesisteman metafora dalam makna simpulan bahasa: Satu analisis semantik kognitif. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: UKM (tidak diterbitkan).
- Salinah Jaafar. (2005). Fungsi leksikal “bunga” dalam simpulan bahasa dan peribahasa bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa* 5(4), 40-66.
- Sizer, F.S., dan Whitney, E. (2014). *Nutrition: Concepts and controversies*. Thirteenth Edition. Amerika Syarikat: Yolanda Cassio.

- Sperber, D., dan Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication and cognition* (2nd ed). Oxford: Basil Blackwell.
- Tenas Effendy. (2013). *Kearifan pemikiran Melayu*. Riau: Tenas Effendy Foundation.
- Tham Seong Chee. (1977). *Language and cognition-an analysis of the thought and culture of the Malay*. Singapura: Chopmen Enterprises.
- Liaw Yock Fang dan Hassan Ahmad. (2003). *Undang-Undang Laut, Karya Agung*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan
- Zainal Abidin Ahmad. (2002). *Ilmu mengarang Melayu/ Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)*; dengan pengenalan oleh Asmah Haji Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Diperoleh (*received*): 28 September 2018

Diterima (*accepted*): 24 Oktober 2018